



PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2013

GARIS PANDUAN PENENTUAN KAWASAN TANAH KERAJAAN YANG SESUAI UNTUK DIWARTAKAN SEBAGAI HUTAN SIMPANAN KEKAL

1.0 Tujuan

Garis panduan ini disediakan untuk digunakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri bagi menentukan kawasan tanah Kerajaan berhutan dan tidak berhutan yang sesuai untuk diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK).

2.0 Pendahuluan

- 2.1. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah menerima pakai Pelan Tindakan Strategik Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia 2008 – 2020 (Pindaan 2010) bagi mentadbir, mengurus, memelihara dan membangunkan sumber hutan di Semenanjung Malaysia

- 2.2. Antara strategi yang terkandung di dalam pelan tindakan strategik tersebut ialah meningkatkan keberkekalan khazanah hutan berasaskan kepada pengurusan hutan secara berkekalan melalui saluran perundangan. Strategi tersebut ialah Strategi 1 di bawah Teras 2 iaitu Keberkekalan Sumber Hutan. Antara program di bawah strategi ini ialah Program 1 iaitu menjamin keberkekalan dan menambah keluasan HSK melalui pewartaan tanah Kerajaan berhutan. Terdapat dua (2) aktiviti di bawah program ini iaitu:

- (i) Aktiviti 1 : Menyediakan panduan penentuan kawasan tanah Kerajaan berhutan yang sesuai untuk diwartakan sebagai HSK; dan
 - (ii) Aktiviti 2 : Mewartakan kawasan-kawasan tanah Kerajaan berhutan kepada HSK.
- 2.3. Sehubungan dengan itu, garis panduan ini disediakan bagi mencapai matlamat Pelan Tindakan Strategik Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia 2008 – 2020 (Pindaan 2010) selaras dengan keperluan Dasar Perhutanan Negara untuk menambah kawasan HSK di samping memenuhi komitmen Kerajaan Malaysia di peringkat antarabangsa bagi mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah Negara diliputi pokok-pokok dan kawasan berhutan.

3.0 Skop Garis Panduan

- 3.1. Garis panduan ini merangkumi kriteria-kriteria yang boleh digunakan bagi menentukan kawasan tanah Kerajaan berhutan dan tidak berhutan yang sesuai untuk diwartakan sebagai HSK.
- 3.2. Dalam konteks garis panduan ini, maksud hutan dan tanah Kerajaan adalah seperti berikut:

3.2.1. Hutan

Maksud hutan ialah sebagaimana yang didefinisikan oleh *Food and Agriculture Organisation* (FAO) iaitu kawasan yang mempunyai litupan silara melebihi 10% dan keluasan kawasan yang melebihi 0.5 hektar dengan pokok yang boleh mencapai ketinggian minimum 5 meter apabila matang.

3.2.2. Tanah Kerajaan

Maksud tanah Kerajaan ialah sebagaimana yang didefinisikan dalam Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56/1965) iaitu semua tanah di dalam Negeri itu (termasuk sebanyak mana dasar mananya sungai, dan tepi pantai serta dasar laut, seperti yang adalah dalam lingkungan wilayah Negeri itu atau batas perairan wilayah) selain dari:-

- (a) tanah berimilik;
- (b) tanah rizab;
- (c) tanah lombong;
- (d) mana-mana tanah yang, di bawah peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan hutan (sama ada diluluskan sebelum atau selepas permulaan Akta ini), buat masa itu adalah hutan simpanan.

4.0 Penentuan Kawasan

Secara amnya, penentuan kawasan tanah Kerajaan berhutan dan tidak berhutan yang sesuai untuk diwartakan sebagai HSK adalah berdasarkan kepada jenis atau kategori kawasan, antaranya ialah:

- (i) kawasan Hutan yang Mempunyai Nilai Pemeliharaan yang Tinggi (*High Conservation Value Forests : HCVFs*);
- (ii) kawasan yang termasuk dalam *Central Forest Spine* (CFS);
- (iii) kawasan pesisiran pantai (termasuk kawasan aktiviti penanaman di bawah Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies yang sesuai di Pesisiran Pantai Negara);
- (iv) kawasan tadahan air;

- (v) kawasan tanah lembab;
- (vi) pulau-pulau kecil yang masih berhutan;
- (vii) kawasan batu kapur dan kuartz;
- (viii) kawasan yang berada pada aras ketinggian melebihi 1,000 meter dari paras laut;
- (ix) kawasan yang berkecerunan melebihi 40^0 ; dan
- (x) mana-mana kawasan tanah Kerajaan yang tidak mempunyai perancangan pembangunan.

4.1. Kawasan Hutan yang Mempunyai Nilai Pemeliharaan yang Tinggi (*High Conservation Value Forests : HCVFs*)

4.1.1. Mengikut Kriteria dan Petunjuk untuk Pensijilan Pengurusan Hutan di Malaysia atau secara ringkasnya MC&I(2002), kawasan HCVFs merupakan hutan yang memiliki satu atau lebih ciri-ciri berikut:

- (i) Kawasan-kawasan hutan yang mengandungi penumpuan nilai-nilai kepelbagaian biologi yang tinggi (contoh: bersifat endemik, spesies terancam, spesies dilindungi) pada peringkat global, serantau atau nasional; dan/atau hutan-hutan pada peringkat lanskap yang besar, di dalamnya mengandungi unit pengurusan, di mana kebanyakan atau semua populasi yang mampu hidup sendiri ditemui dalam bentuk semulajadi berdasarkan kepada penyebaran dan kuantitinya yang banyak;

- (ii) Kawasan-kawasan hutan yang mempunyai ekosistem-ekosistem yang jarang ditemui, terancam atau berada dalam keadaan bahaya;
- (iii) Kawasan-kawasan hutan yang menyediakan kemudahan-kemudahan asas semulajadi dalam situasi-situasi kritikal (contoh: perlindungan kawasan tадahan air, kawalan hakisan); dan
- (iv) Kawasan-kawasan hutan yang membekalkan keperluan asas masyarakat tempatan (contoh: mata pencarian, kesihatan) dan/atau secara kritikal kepada identiti budaya masyarakat tempatan (kawasan-kawasan budaya, ekologi, mempunyai nilai ekonomi atau keagamaan yang dikenalpasti dengan bantuan masyarakat tempatan).

4.1.2. Sehubungan itu, mana-mana kawasan tanah Kerajaan berhutan yang memiliki ciri-ciri (i), (ii) dan (iii) adalah sesuai untuk diwartakan sebagai HSK.

4.2. Kawasan Tanah Kerajaan yang Termasuk dalam Kawasan *Central Forest Spine* (CFS)

4.2.1. *Central Forest Spine* (CFS) merangkumi kawasan hutan yang tergolong di dalam kelompok kompleks hutan di Semenanjung Malaysia. CFS seperti yang diterjemahkan di dalam Rancangan Fizikal Negara merupakan tulang belakang bagi rangkaian Persekuturan Kawasan Sensitif dalam Semenanjung Malaysia, yang terdiri daripada empat kelompok hutan iaitu

- (i) Banjaran Titiwangsa-Banjaran Bintang-Banjaran Nakawan;
- (ii) Taman Negara-Banjaran Timur;

(iii) Pahang Tenggara, Chini dan kawasan berpaya Bera; dan

(iv) Taman Negara Endau Rompin-Rezab Hidupan Liar Kluang.

4.2.2. Secara amnya, pelaksanaan CFS melibatkan empat (4) komponen iaitu pengekalan kawasan berhutan, pengurusan hutan secara berkekalan, program pemulihan hutan dan pewujudan koridor ekologi.

4.2.3. Koridor ekologi ditubuhkan untuk menjadi penghubung antara kompleks hutan dan membentuk CFS. Terdapat dua (2) jenis konsep koridor ekologi iaitu rangkaian utama (*Primary Linkages*) dan rangkaian sekunder (*Secondary Linkages*).

4.2.4. Secara keseluruhannya, sebanyak 37 rangkaian telah dikenalpasti, di mana tujuh belas (17) adalah rangkaian utama dan dua puluh (20) lagi sebagai rangkaian sekunder. Kombinasi kesemua rangkaian ini akan dapat mewujudkan kesinambungan dalam CFS seperti yang telah dinyatakan di dalam *Central Forest Spine: Ringkasan Pelan Induk Rangkaian Ekologi*.

4.2.5. Sehubungan dengan itu, kawasan tanah Kerajaan yang terlibat CFS yang berada di luar HSK terutamanya yang telah dikenalpasti sebagai koridor ekologi adalah sesuai dipertimbangkan untuk diwartakan sebagai HSK.

4.2.6. Pewartaan kawasan CFS yang berada di luar HSK adalah juga selaras dengan strategi pelaksanaan yang disyorkan di dalam Laporan Akhir Kajian CFS II, iaitu penubuhan koridor sebagai hutan terlindung dengan mewartakan tanah sebagai HSK dan dikelaskan sebagai Hutan Perlindungan Hidupan Liar di bawah Akta Perhutanan Negara 1984.

4.3. Kawasan Pesisiran Pantai

- 4.3.1. Kawasan pesisiran pantai merangkumi kawasan 5 km ke sebelah darat (*back shore*) dan 16.1 km nautika ke sebelah laut dari paras purata air pasang perbani (*shore front*). Kawasan disebelah darat termasuk sungai dan rizab air hingga ke kawasan yang dipengaruhi oleh air masin. Kawasan yang sesuai untuk diwartakan sebagai HSK adalah kawasan yang berada di sebelah darat yang masih mempunyai tumbuhan asal dan kawasan dataran lumpur (*mudflat*) di sebelah laut.
- 4.3.2. Kawasan pesisiran pantai yang terlibat dengan aktiviti penanaman pokok di kawasan pesisiran pantai oleh Jabatan seperti “Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara” hendaklah seboleh-bolehnya diwartakan sebagai HSK. Ianya bertujuan bagi menjamin perancangan serta pengurusan pemuliharaannya dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan berkesan.

4.4. Kawasan Tadahan Air

- 4.4.1. Kawasan tadahan air berfungsi sebagai tempat simpanan sumber air yang perlu dipelihara untuk menyediakan keperluan air yang mencukupi bagi semua hidupan di bumi ini. Justeru kawasan tadahan air dikategorikan sebagai KSAS mengikut Rancangan Fizikal Negara kerana mempunyai nilai sokongan hidup yang tinggi dan penting bagi menjamin kualiti bekalan air negara.
- 4.4.2. Rancangan Fizikal Negara membahagikan kawasan tadahan air kepada dua (2) kategori mengikut tahap kesensitifan iaitu KSAS Tahap 1 untuk kawasan tadahan bagi empangan sedia ada dan cadangan empangan baru; dan KSAS Tahap 3 untuk kawasan tadahan untuk takat pengambilan air (water intakes) dan sumber air bawah tanah.

- 4.4.3. Sehubungan itu, kawasan tadahan air adalah sesuai dipertimbangkan untuk diwartakan sebagai HSK terutamanya kawasan tadahan untuk empangan yang dikategorikan sebagai KSAS Tahap 1. Ini adalah kerana tiada sebarang pembangunan, pertanian atau pembalakan dibenarkan di kawasan tersebut kecuali aktiviti pelancongan alam semulajadi yang berimpak rendah dan penyelidikan atau pembelajaran.
- 4.4.4. Kawasan tadahan air untuk takungan bagi bekalan air masyarakat hendaklah juga seboleh-bolehnya diwartakan sebagai HSK.

4.5. Kawasan Tanah Lembab

- 4.5.1. Konvensyen Ramsar ke atas Tanah Lembab (Konvensyen Ramsar) mendefinisikan tanah lembab sebagai kawasan yang berpaya, fen, tanah gambut atau berair sama ada semulajadi atau buatan manusia, kekal atau sementara,tawar atau masin termasuk kawasan perairan laut, di mana dalamnya tidak melebihi enam meter.
- 4.5.2. Kawasan tanah lembab dikategorikan sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) di bawah Rancangan Fizikal Negara kerana ianya mempunyai fungsi sokongan hidup, nilai warisan dan berpotensi sebagai kawasan risiko bencana alam sekitar akibat pemendapan, kebakaran atau kejadian banjir sekiranya dibangunkan tanpa kawalan. Kawasan tanah lembab juga dikenalpasti merupakan habitat penting kepada pelbagai kehidupan flora dan fauna.
- 4.5.3. Sehubungan itu, Rancangan Fizikal Negara menetapkan kawasan tanah lembab dikategorikan sebagai KSAS Tahap 1. Oleh yang demikian, kawasan tanah lembab hendaklah seboleh-bolehnya diwartakan sebagai HSK.

4.6. Pulau-Pulau Kecil yang Masih Berhutan

- 4.6.1. Terdapat banyak pulau-pulau kecil di Semenanjung Malaysia yang masih berhutan dan berstatus tanah Kerajaan seperti pulau-pulau kecil di sekitar Pulau Pangkor di Negeri Perak; Pulau Langkawi di Negeri Kedah; Pulau Perhentian di Negeri Terengganu; Pulau Tinggi di Negeri Johor; dan Pulau Tioman di Negeri Pahang.
- 4.6.2. Pulau-pulau berkenaan terutamanya kawasan pulau yang masih belum dimajukan dan yang berada di sekitar kawasan yang diwartakan sebagai Taman Laut dan pulau-pulau yang telah diwartakan sebagai Taman Negeri dibawah enakmen taman negeri adalah sesuai untuk diwartakan sebagai HSK.

4.7. Kawasan Batu Kapur dan Kuartz

- 4.7.1. Kawasan batu kapur dan kuartz mempunyai kepentingan dari segi pemeliharaan sumber geologi sebagai warisan negara. Di samping itu, kawasan ini juga perlu dipelihara untuk kepentingan kepelbagaiannya biologi kerana keunikan ekosistemnya.
- 4.7.2. Sehubungan itu, kawasan batu kapur dan kuartz terutamanya yang yang tidak termasuk di dalam kawasan zon industri kuari hendaklah seboleh-bolehnya diwartakan sebagai HSK.

4.8. Kawasan Tanah Kerajaan yang Berada pada Ketinggian Melebihi 1,000 Meter dari Paras Laut

- 4.8.1. Rancangan Fizikal Negara menetapkan kawasan tanah tinggi yang berada pada ketinggian melebihi 1,000 meter dari paras laut sebagai KSAS Tahap 1.

4.8.2. Oleh yang demikian, kawasan berkenaan adalah perlu diwartakan sebagai HSK dan seterusnya dikelaskan sebagai Hutan Perlindungan Tanah di bawah Seksyen 10(1), APN 1984.

4.9. Kawasan yang Berkecerunan Melebihi 40°

4.9.1. Persidangan Majlis Perhutanan Negara yang Ke-19 pada 30hb. Ogos 2005 telah memutuskan bahawa kawasan yang berkecerunan melebihi 40° sebagai kawasan sensitif di mana tiada sebarang aktiviti penebangan pokok dibenarkan.

4.9.2. Oleh yang demikian, kawasan berkenaan hendaklah seboleh-bolehnya diwartakan sebagai HSK dan seterusnya dikelaskan sebagai Hutan Perlindungan Tanah di bawah Seksyen 10(1), APN 1984.

4.10. Mana-Mana Kawasan Tanah Kerajaan Berhutan Yang Tidak Mempunyai Perancangan Pembangunan

4.10.1. Mana-mana kawasan tanah Kerajaan berhutan yang tidak mempunyai perancangan pembangunan adalah sesuai untuk diwartakan sebagai HSK. Ini termasuk kawasan berhutan di pulau-pulau besar seperti Pulau Tioman, Pulau Perhentian, Pulau Kapas, Pulau Langkawi dan Pulau Ketam.

4.10.2. Di samping itu, kawasan-kawasan tanah Kerajaan yang telah diluluskan sebagai Cadangan Hutan Simpan di bawah Enakmen Hutan 1934 tetapi belum dibuat pewartaan akhir sebagai HSK di bawah Enakmen yang sama perlu diambil tindakan bagi mewartakan kawasan berkenaan sebagai HSK di bawah APN 1984.

5.0 Kesimpulan

- 5.1. Garis panduan ini disediakan bagi membantu Jabatan Perhutanan Negeri untuk mengenalpasti kawasan tanah Kerajaan yang sesuai untuk diwartakan sebagai kawasan HSK dan seterusnya mengesyorkan kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi mewartakan kawasan tersebut sebagai HSK demi kepentingan masyarakat dan alam sekitar.
- 5.2. Garis panduan ini adalah sebagai asas bagi penentuan kawasan tanah Kerajaan sebagai HSK. Rujukan juga perlu dibuat kepada undang-undang dan dasar Kerajaan Negeri serta garis panduan yang berkaitan di Jabatan atau agensi Kerajaan lain.

TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa serta merta.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“SAYANGI HUTAN”

“1 MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

Saya yang menurut perintah.



(DATO' PROF. DR. HJ. ABD. RAHMAN BIN HJ. ABD. RAHIM)

Ketua Pengarah Perhutanan

Semenanjung Malaysia

7 Februari 2013

